

Warta jalan kepada aktiviti berbasikal untuk remaja

Johor Bahru: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengambil langkah drastik menangani isu basikal lajak susulan kejadian yang mengorbankan nyawa lapan remaja berbasikal di Jalan Lingkaran Dalam, di sini, Februari lalu.

Datuk Bandar Johor Bahru A Rahim Nin berkata, pihaknya memandang serius isu kumpulan remaja berbasikal yang masih berlarutan.

Beliau berkata, MBJB akan melakukan kajian semula peruntukan undang-undang di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam menangani isu berkenaan.

"Menerusi Akta Pengangkutan Jalan 1987, basikal ditakrifkan sebagai kenderaan dan ia tertakluk kepada peruntukan undang-undang berkenaan kami akan mewartakan jalan tertentu disekat kepada aktiviti berbasikal ke atas remaja di bawah usia 18 tahun pada waktu malam.

"Individu yang tidak mematuhi peraturan berkenaan boleh dikenakan penalti RM1,000 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya.

"Kami akan meminda undang-undang kecil Da-



“ Individu yang tidak mematuhi peraturan berkenaan boleh dikenakan penalti RM1,000 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya ”

A Rahim Nin

taran Bandaraya Johor Bahru dan taman dengan menghantar cadangan kepada kerajaan negeri untuk tidak membenarkan kanak-kanak atau remaja memasuki dan berkeliaran di kawasan ini tanpa pengawasan ibu bapa selepas jam 6 petang," katanya ketika berucap mempengerusikan Mesyuarat MBJB,

di sini, semalam.

Rahim berkata, bagi cadangan sekatan laluan terbabit, permohonan akan dihantar kepada Kementerian Pengangkutan menerusi Jabatan Undang-Undang MBJB untuk diberi kuasa penyekatan penggunaan kenderaan dan ia akan dilaksanakan selepas permohonan dibenarkan.

Beliau berkata, pihaknya berharap kajian semula undang-undang itu akan memupuk kesedaran kepada golongan berbasikal lajak supaya tidak mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain.

"Saya juga menyarankan ibu bapa memantau pergerakan anak mereka bagi mengelakkan mereka terbabit dalam aktiviti yang boleh mengancam keselamatan.

"Ingatlah, anak amanah daripada Allah dan kita perlu jaga bagai menatang minyak yang penuh," katanya.

Pada 18 Februari lalu, lapan remaja maut manakala lapan lagi cedera selepas dirempuh kereta ketika menunggang basikal secara berkumpulan di Jalan Lingkaran Dalam berhampiran tanah perkuburan Islam Mahmoodiah, di sini.

H/metro 3/8/17